

ORANG ISLAM YANG TERKEMUKA

Nusaybah Pahlawan Islam!

“Tidak ada hidup kalau bukan berperang, tidak ada bahagia kalau tidak bertempur dan berjuang” –

Demikian kata Nusaybah, Ummu ‘Umārah, pahlawan wanita yang telah berjuang bersama-sama Rasulullah (S.A.W) di perang Uhud (Uḥūd) sebagai singa wanita menyerahkan dirinya sebagai benteng mempertahankan serangan-serangan yang ditujukan kepada Muhammad (S.A.W) tatkala melihat bendera Rasulullah melambai-lambai di dalam perjuangan melawan Musailamah al-Kazzāb. Ia bersama-sama anaknya, dan suaminya ialah di antara sepuluh orang yang bertahan di sekeliling Rasulullah yang diserang dengan hebatnya oleh musuh-musuh Islam. Bacalah cerita sambungan bulan lalunya di bawah ini:

Askar musuh yang memukul anaknya ‘Abdullah melintas di hadapan Rasulullah, dan melihat ini beliau berkata: “Inilah orangnya yang memukul anakmu, Nusaybah!”

Nusaybah naik amarah dan gembiranya dan dengan kecepatan seperti kilat dipukulnya tengkuk musuhnya itu dengan pedangnya sehingga tersungkur ke tanah. Melihat peristiwa itu Rasulullah (SAW) tersenyum dan bersabda: Dendam engkau telah berbalas ya Ummu ‘Umārah. Puji bagi Allah yang telah memberi engkau kemenangan dan yang telah membuat mata engkau berbahagia dapat melihat pembalasan terhadap musuhmu!”

* * *

Dengan tujuan hendak memadamkan cahaya harapan kaum Muslimin, setelah melihat angkatan Islam berpecah dan kucar kacir sedang Muḥammad tertinggal dengan tidak beberapa orang lagi, maka mereka pun menumpukan serangannya kepada Muḥammad – kerana fikir mereka: Apabila

Muḥammad sudah tidak ada lagi maka semangat Islam tentunya akan terbenam sama. Serbuan-serbuan yang hebat yang bergelombang ini ditangkis oleh kaum Muslimin dengan hebatnya.

Seorang perwira Quraisy yang kejam; bernama Ibn Qāmih bertempik meminta lawan: “Tunjukkan kepada aku Muḥammad dan kalau ia hidup biarlah aku mati!”

Kesombongan Ibn Qāmih ini disambut oleh Nusaybah dan Mus‘ab ibn Umar dengan suatu tentangan yang menentukan. Setelah terjadi pertempuran yang hebat maka Mus‘ab gugur syahid terbunuh oleh Ibn Qāmih. Dengan jatuhnya Mus‘ah, Nusaybah bertambah garang, diserangnya Ibn Qāmih bertalu-talu sehingga ia sendiri kena pukulan yang dahsyat di sebelah tengkuknya tetapi sekalipun demikian ia bukannya bertambah lemah tetapi semakin garang. Dipukulnya Ibn Qāmih berkali-kali tetapi tidak membawa kepada ajalnya kerana Ibn Qāmih memakai baju besi.

Kejadian ini telah diceritakan dengan megahnya oleh

cucunya Damirah ibn Sa‘īd al-Mārunī, seperti berikut:

“Pada hari yang tersebut Nabi Muḥammad (SAW) sendiri menyaksikan nenekku, Nusaybah, bertempur dengan musuhnya dengan gagah berani sehingga menerima luka di badannya sebanyak tiga belas liang. Rasulullah melihat bagaimana

Ibn Qāmiḥ menetak tengkuknya yang menyebabkan ia luka parah.

Dalam keadaan demikian Rasulullah menyeru anaknya, ‘Abdullah:

Tolong ibumu, tolong ibumu. Balut lukanya!

Semoga Allah memberkati kamu sekalian sebagai ahlu

al-Bayt. Darjat ibumu lebih tinggi dari si anu dan

si anu. Mudah-mudahan Allah memberi rahmat atas kamu,

hai ahl al-Bayt!”

Mendengar ucapan Rasulullah ini, nenekku,

Nusaybah, berseru dengan suara yang lantang, sebagai tidak

berlaku sesuatu pun ke atas dirinya, sedang darah

mengalir dengan deras di badannya:

“Pohonlah kepada Allah, ya junjunganku, supaya kami ditempatkan bersama-sama engkau di syurga kelak”.

“Tuhanku! Jadikanlah mereka ini semua sahabatku di Firdaus” – Rasulullah munajat

mengakibatkan permohonan nenekku.

“Aku tidak mengendahkan derita dunia yang telah aku alami” Nusaybah berkata kepada dirinya sendiri – ujar cucunya.

Damirah berasa bangga – berasa besar hati mempunyai seorang nenek yang berhati singa itu.

Siapakah yang tidak berbesar hati kalau mengetahui bahawa Nusaybah sudah menjalankan tugasnya di dalam perjanjiannya membela Rasulullah pada masa orang-orang Quraisy Makkah menyakitinya!?

* * *

Penduduk Madinah meratap mengenang kekalahan di dalam

perjuangan di medan Uhud (Uḥūd). Semua menangis kecuali Nusaybah kerana ia bukannya bermuram hati tetapi semangatnya semakin tinggi, semakin beryala-nyala sehingga seakan-akan tidak pernah dirasanya sakit luka yang ada di badannya.

Dalam masa Nusaybah sedang sakit kerana luka parahnya itu, pada masa itulah Rasulullah mengajak manusia meneruskan perjuangan untuk mengejar kaum musyrik yang telah melarikan diri di Ḥamra` al-Asad. Ramai kaum Muslimin yang telah menyambut seruan suci ini, dan bagaimana pula halnya Nusaybah? Nusaybah hendak pergi bersama-sama dengan angkatan itu sekalipun ia luka parah! Dengan hati yang gagah diikatnya kuat-kuat selendangnya dipinggangnya untuk pergi ke medan perang bersama-sama Rasulullah (SAW) kerana hatinya tidak betah tinggal di Madinah selagi tidak bersama-sama berjuang dengan darahnya menegakkan kalimah Tuhan. Tetapi sungguhpun jiwanya sebegitu tinggi, ia tidak dapat pergi kerana keadaan tidak mengizinkan, darahnya terus mengalir dan menjadikannya lemah.

Pada malamnya Nusaybah terpaksa dirawat dan ditemani oleh wanita-wanita Islam kerana keadaannya bertambah parah.

Sepulangnya dari medan Ḥamra`, Rasulullah mengirim ‘Abdullah ibn Ka‘ad bertanyakan kesihatan Nusaybah dan baginda merasa senang hati apabila dikhabarkan bahawa Nusaybah dalam selamat dan beransur-ansur sembuh.

* * *

Sesudah kejadian itu tidak lama antaranya turunlah ayat hijab dan semenjak itu wanita tidak dibenarkan lagi berjuang di barisan hadapan – mereka bekerja di barisan belakang sesuai mengikut hukum

ayat tersebut. Dengan kerana itu pula Nusaybah tidak dibolehkan lagi masuk berperang di barisan hadapan – tetapi ia sentiasa memasukkan semangat jihad kepada putera-puteranya; dan kerana semangat yang diberinya Alhamdulillah, kedua-dua anaknya ‘Abdullah dan Ḥabīb menjadi pahlawan-pahlawan yang berani, yang menyertai segala medan perang bersama-sama Rasulullah (SAW).

Pada tahun pergi ke haji yang pertama Nusaybah ikut bersama-sama Rasulullah (SAW). Kedatangan haji ini tidak menyenangkan kaum Quraish: Mereka menegah angkatan haji ini masuk ke Makkah. Akibat ini hampir-hampir menjadi pertempuran yang hebat sehingga daripadanya kaum Muslimin berikat setia dengan Rasulullah. Mereka mengadakan pengakuan akan mati membela agama Allah. Di antara mereka yang bersumpah setia itu termasuklah Nusaybah.

* * *

Ḥabīb, putera bongsu Nusaybah yang masih remaja putra dan besar serta kuat badannya dan kuat pula imannya itu, telah dihantarkan oleh khalifah Abū Bakar membawa sepucuk surat kepada Musailamah al-Kazzaāb, ketua kabilah di Yamāmah yang telah mengaku dirinya menjadi Nabi.

Musailamah tidak dapat menilai ertinya utusan dan kerana itu Ḥabīb ditangkapnya, diikat dan diseksanya serta dipaksa membuat pengakuan kepada Musailamah yang berkata:

“Bersediakah engkau mengakui bahawa aku Rasul Allah?”

“Aku tidak mendengar apa yang engkau ucapkan”

- jawab Ḥabīb dengan tegas.

Jawapan ini menerbitkan kemarahan Musailamah sehingga dengan kerananya Ḥabīb dianiaya olehnya dengan memotong sedikit demi sedikit badannya sehingga sampai ajalnya. Demikianlah riwayat pemuda yang beribukan wanita utama itu.

Bagaimana Nusaybah menerima berita penganiayaan terhadap anaknya itu? Ia menerima berita itu dengan hati yang tenang dan bangga kerana anaknya mati di dalam menjalankan tugas menegakkan kalimah Tuhan – sudah menyampaikan kewajibannya sebagai utusan khalifah al-Mu’minīn.

Ia tidak hancur hati mendengar penganiayaan ke atas anaknya itu. Ia merasa bahagia bahawa anaknya telah menjadi kaum mujahidin yang berjuang menegakkan kalimah Tuhan! Nusaybah bernazar kepada Allah semoga dapat ia melihat pembunuhan atas diri Musailamah dan berharap dapat bersama-sama membunuhnya.

Tidak lama antaranya angkatan kaum Muslimin diperintahkan oleh Khalifah Abū Bakar untuk menyerang Kīmāmah menghancurkan kaum murtad itu. Di antara mereka yang ikut dalam pasukan besar itu termasuk putera Nusaybah sendiri, ‘Abdullah ibn Zayd. Permintaan Nusaybah untuk ikut serta dalam angkatan itu dikabulkan oleh Khalifah Abū Bakar supaya dengan demikian terlepas kelak nazarnya.

Berbahagia sungguh dirasa oleh Nusaybah kepada kelulusan yang diberikan kepadanya itu. Sekalipun ia sudah berumur 60 tahun tetapi jiwanya masih berkobar-kobar, bergembira-gembira mendapat peluang bersama-sama ke medan Yamāmah, untuk menyaksikan sendiri perjuangan kaum Muslimin terhadap nabi palsu yang telah menganiaya anaknya.

Setibanya sahaja tentera Islam ke Yamāmah maka secepat itu pula perjuangan berlaku. Tentera Musailamah datang

membanjiri medan perang. Mereka berlipat ganda banyaknya melebihi tentera kaum Muslimin yang dipimpin oleh Khālid ibn al-Walīd. Dalam permulaan perang ini kaum Muslimin dipukul undur oleh tentera Musailamah sehingga angkatan Islam bercerai berai.

Pada saat yang genting itulah pahlawan besar Khālid ibn al-Walīd berteriak dengan suara yang lantang: “Wahai junjungan kami Muḥammad”

Serentak dengan pekikan Khālid itu, bendera Islam diangkat ke angkasa. Bendera Rasulullah berkibar sekali lagi di angkasa melambai-lambai pada kaum Muslimin seperti halnya dalam perang Uhud dahulu, baik kepada kaum Muhajirin atau pun kepada kaum Ansar! Dengan kibaran bendera ini angkatan Islam berbalik semula dalam susunannya, maju dan menyerang musuhnya, musuh Allah, dengan gagah perkasa.

Nusaybah yang telah berusia lanjut itu dengan gagahnya bersama-sama menghunus pedangnya menyertai serang balas pasukan Ansar bersama-sama puteranya ‘Abdullah ibn Zayd. Dengan gagahnya ia mara ke hadapan dan kebetulan bendera Rasulullah melambai-lambai berkibar di hadapannya. Nusaybah terkenang peristiwa di medan Uhud terkenal ia menjadi perisai mempertahankan Rasulullah (S.A.W) daripada serangan-serangan kaum Quraisy. Kenangan-kenangan ini sangat indah dan membawa nikmat kepadanya. Dengan kenangan-kenangan ini ia menyerbu ke tengah-tengah musuh sehingga tidak dihiraukan lagi keadaannya yang telah menerima dua belas liang luka di badannya. Dengan megahnya ia berkata:

“Wahai bendera sakti, bendera Rasulullah!

Sekarang engkau berkibar lagi di hadapan ku, di hadapan mataku sesungguhnya tidak ada hidup, kalau bukan berperang di bawah kibaranmu! Tidak ada bahagia kalau tidak bertempur di bawah kibaranmu!”

Nusaybah maju bersama-sama kaum Ansar menyerang musuhnya sehingga sampai ke markas besar tentera itu. Ia tidak menghiraukan lagi sikunya yang telah terpotong oleh musuhnya – ia maju terus – terus berjuang mencari kematian di jalan Allah sehingga sampailah ia bersama-sama tentera Ansar ke tempat Musailamah. Di sini terjadilah pertempuran yang hebat sehebat-hebatnya sehingga akhirnya Musailamah terbunuh oleh pedang ‘Abdullah ibn Zayd dengan disaksikan oleh ibunya Nusaybah!

Nusaybah bersyukur nazarnya telah sampai. Tentera Islam pulang dengan kemenangan yang gemilang dengan meninggalkan tangannya sebelah di medan Yamāmah, sebagai tanda cintanya kepada anaknya Habīb yang telah dianiaya oleh Musailamah. Hatinya puas – Allah melorongkan pembelaan penganiayaan yang dilakukan kepada anaknya.

Masa berjalan dengan cepatnya dan akhirnya wanita utama ini, dengan kenangan-kenangan yang gemilang sebagai seorang pahlawan yang menghiasi sejarah yang besar di dalam perjuangan Islam telah pergi, pergi tidak kembali menemui sahabat-sahabatnya kaum syuhada yang telah mengorbankan segala kesenangannya kepada jalan Allah! Ia pergi, tetapi riwayatnya masih diingat! Riwayatnya sebagai pendidik anak-anaknya menjadi mujahid pembela agama Allah terang dan terlihat seperti disaksikan oleh sejarah! Di manakah adanya wanita yang serupa itu? Soal inilah yang belum berjawab sehingga sekarang!

**Sebaik-baik mati ialah mati pada jalan
memperjuangkan syiar Islam dan meninggikan
agama Allah – rebutlah peluang ini!!!**
